

KHAWARIJ THE EARLIEST SECT IN ISLAM? A BRIEF OVERVIEW OF ITS HISTORY AND THOUGHT KHAWARIJ FIRQAH TERAWAL DI DALAM ISLAM? TINJAUAN RINGKAS TERHADAP SEJARAH DAN PEMIKIRANNYA

Mohammad Syafiq Ismail

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Abstract

Khawarij as one of the earliest sects in Islam, still has its adherents to this day. Even so, the study of this sect in the Malay-language literature is still too little explored. The existing Malay-language literature on Khawarij was found to use only secondary sources and referred to the study of non-Khawarij scholars, which raises a clear question of authenticity. This study uses library research methods and inductive content analysis. This study seeks to highlight a brief history of the emergence and development of the Khawarij sect, and its central ideas, by referring to the original sources of the adherents of this sect. This study will discuss the confusion that arises as a result of the branding of Khawarijism, and its impact on the intrinsic understanding of this Khawarij sect.

Keywords: Khawarij, Khawarijism, Ibadhiyah, Sectarianism, Islam

Abstrak

Khawarij sebagai salah sebuah aliran terawal di dalam Islam, masih memiliki penganutnya ke hari ini. Pun begitu, kajian berkenaan aliran ini di dalam literatur berbahasa Melayu masih terlalu kurang diterokai. Literatur berbahasa Melayu berkenaan Khawarij yang sedia ada didapati hanya menggunakan sumber sekunder yakni merujuk kajian ilmuwan bukan-Khawarij. Hal ini menimbulkan persoalan keaslian yang jelas. Kajian ini menggunakan metod kajian perpustakaan dan analisis isi induktif (inductive content analysis). Kajian ini berusaha untuk mengetengahkan sejarah ringkas kemunculan dan perkembangan aliran Khawarij, dan pusat pemikirannya, dengan merujuk sumber-sumber asal penganut aliran ini. Kajian akanKajian ini akan membincangkan kekeliruan yang muncul akibat penjenamaan Khawarijisme, dan kesannya kepada pemahaman hakiki terhadap aliran Khawarij ini.

Kata Kunci: Khawarij, Khawarijisme, Ibadhiyah, Sekterianisme, Islam.

Perkembangan Artikel

Diterima: 13 Julai 2021

Disemak: 15 Januari 2022

Diterbit:

*Corresponding Author:

Mohammad Syafiq Ismail,
Pusat Penataran Ilmu dan
Bahasa, Universiti Malaysia
Sabah

E-mel:

abualhasan09@ymail.com

PENGENALAN

Khawarij merupakan sebuah aliran yang tidak asing lagi dalam sejarah Islam. Seperti aliran-aliran Islam yang lain, ia mengalami perubahan demi perubahan, untuk menyesuaikan dirinya dengan tuntutan zaman. Khawarij yang dahulunya terkenal sebagai sebuah aliran yang anti-pemerintahan, kini diamalkan sebagai sebuah mazhab rasmi dalam sesebuah negara seperti

Oman. Mesej Amman (2004) yang bersejarah telah menyenaraikan Ibadhiyah, salah satu aliran Khawarij yang masih ada hingga ke hari ini, sebagai salah satu aliran Islam.

Namun, sekiranya ditinjau literatur yang dikarang dalam bahasa Melayu, kurang sekali diterokai sejarah dan pemikiran Khawarij ini daripada sumber asalnya. Yang dimaksudkan sebagai sumber asal ialah karya-karya ilmuwan Khawarij, demi memastikan keasliannya. Terdapat beberapa karya yang menuliskan berkenaan aliran-aliran Islam ini, namun, ia memiliki permasalahan keaslian yang jelas. Farawahida (2007) dan Abd. Rahman (2014) saat membahaskan mengenai Khawarij, hanya merujuk kepada karya ilmuwan bukan-Khawarij seperti Al-Syihristani dan Abd Al-Qahir Al-Baghdadi.

Sedangkan, terdapat karya-karya ilmuwan Khawarij-Ibadhiyah yang hidup seawal kurun ketiga hijriyah, Lawwab Ibn Sallam Al-Ibadhi (1986), dan Abu Khazr Yaghla bin Zilaf yang hidup pada kurun keempat hijriyah (2008), yang membahaskan akidah Khawarij ini, tidak dinukilkan dan dijadikan rujukan. Terdapat kemungkinan yang ilmuwan bukan-Khawarij akan melakukan penipuan atau penyelewengan dalam penukilan pendapat Khawarij atas dasar ketaksuban kepada alirannya, sepertimana yang ditekankan Imam Abu Al-Hasan Al-Asy'ari dalam mukadimah *Maqalat Al-Islamiyyin*. Selaku pengkaji, yang sewajarnya dilakukan ialah meneliti karya-karya ilmuwan Khawarij ini, sebagai sumber pertama dan asal, untuk menyimpulkan pendapat Khawarij, lalu berpindah kepada alternatif lain sekiranya tiada akses kepada sumber asal.

Justeru, kajian ini berusaha untuk mengetengahkan sejarah ringkas kemunculan dan perkembangan aliran ini dan pusat pemikirannya, dengan merujuk dan menyimpulkannya daripada sumber-sumber asal penganut aliran Khawarij ini. Kajian ini akan merujuk kepada karya ilmuwan Khawarij-Ibadhiyah sahaja, kerana penulisan ilmuwan Khawarij selain Ibadhiyah seperti Azariqah dan Najdat tidak ditemukan hingga ke hari ini. Begitu juga, hanya Khawarij-Ibadhiyah sahajalah aliran Khawarij yang masih kekal diamalkan ke hari ini. Kajian ini juga akan membincangkan kekeliruan yang muncul akibat penjenamaan Khawarijisme yang dilakukan kebelakangan ini, dan kesannya kepada pemahaman hakiki terhadap aliran Khawarij.

Persoalan Kajian.

Kajian ini berusaha untuk menjawab beberapa persoalan:

- 1- Siapakah Khawarij dan apakah asal-usulnya?
- 2- Apakah pusat pemikiran Khawarij?
- 3- Adakah Khawarij memiliki perkaitan dengan Khawarijisme?

Objektif Kajian:

Kajian ini memiliki tiga objektif utama:

- 1- Menyelidik dan menjelaskan aliran Khawarij serta asal-usulnya daripada sumber asli.
- 2- Menganalisa pusat pemikiran Khawarij.
- 3- Menjelaskan kekeliruan yang berlaku kerana penjenamaan Khawarijisme dan impaknya kepada kefahaman sebenar tentang aliran Khawarij.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang bakal dijalankan akan menggunakan reka bentuk rentas kualitatif dalam mengumpulkan maklumat yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian, yakni Kajian Kepustakaan dan Analisis Isi Induktif (*Inductive Content Analysis*) (Bengtsson, 2016). Kajian ini menganalisis data berstruktur: sumber primer karya-karya penulis Khawarij dan sumber sekunder berbentuk analisis kepada pemikiran Khawarijisme. Kemudiannya, pengkaji akan menggunakan cara induktif untuk menyimpulkan sejarah kemunculan Khawarij dan penilaian semula terhadap Khawarijisme. Pengkaji juga akan merujuk artikel dan jurnal yang dikarang dalam bahasa Arab, Inggeris & Melayu, berkenaan Khawarijisme. Kesemua terjemahan yang digunakan dalam kajian ini merupakan terjemahan asli pengkaji, melainkan sekiranya dinyatakan.

SEJARAH KEMUNCULAN KHAWARIJ

Khawarij berasal daripada perkataan *خرج* (*kharaja*) yang bermaksud ‘orang-orang yang keluar’. Ia merupakan istilah yang digunakan pihak pemerintah Islam pada zaman Khulafa’ Rasyidin dan selepas mereka (Al-Syihristani, 2010: 91) untuk menamakan pihak yang mencabar dan memberontak (keluar) pemerintah. Akan tetapi menariknya bila dikaji, Saidina Zaid bin Ali yang memberontak ke atas Bani Umayyah, dan Muhammad Al-Nafs Al-Zakiyyah yang memberontak ke atas Bani Abbasiyah, tidak pula dinamakan sebagai Khawarij. Hal yang memberikan gambaran kepada kita bahawa gelaran ini ditujukan kepada kelompok tertentu, dan bukan kepada semua yang memberontak melawan pemerintah Islam.

Antara kenyataan bertulis terawal yang menjelaskan siapakah Khawarij ini ialah surat Abdullah bin Ibadh (wafat sekitar penghujung kurun pertama hijriyah), pengasas dan pemimpin aliran Khawarij-Ibadhiyah, kepada Abd Al-Malik bin Marwan (wafat 86H), Khalifah Bani Umayyah pada zamannya. Abd Al-Malik mengutus sepucuk surat menegur Abdullah agar kembali kepada Islam, dan meninggalkan ajaran Khawarij yang dinilainya sesat dan menyimpang. Abdullah membantah kritikan Abd Al-Malik kepada sesepuhnya itu, lalu menyifatkan Khawarij sebagai:

1. Mereka adalah pengikut Saidina Utsman, yang memisahkan diri daripadanya (tidak taat lagi) setelah Saidina Utsman melakukan kemungkaran.
2. Mereka adalah pengikut Saidina Zubair & Talhah, hinggalah kedua-dua tokoh ini mengingkari sumpah ketaatan mereka kepada Saidina Ali.
3. Mereka adalah pengikut Saidina Ali, yang akhirnya memisahkan diri daripada Saidina Ali apabila Saidina Ali menggantikan ajaran Al-Quran dengan Tahkim.
4. Mereka pengikut Sunnah Nabi sallAllah alaihi wa sallam, dan mengiktiraf kemuliaan Saidina Abu Bakar dan Umar, serta berusaha meneruskan ajaran Islam sepertimana yang diwariskan kepada mereka.

Beliau seterusnya menjelaskan ketaatan beliau kepada sesepuhnya ini, dan menamakan mereka sebagai Khawarij:

“Inilah kisah Khawarij. Allah dan para malaikat menjadi saksi, bahawa kami ini musuh kepada sesiapa yang memusuhi mereka, dan setia kepada sesiapa yang setia kepada mereka, dengan lisan, tangan, dan hati kami. Kami hidup berdasarkannya, selama mana kami hidup. Kami akan mati berpegang

dengannya. Kami akan dibangkitkan di sisi Tuhan kami kelak, dalam keadaan tetap berpegang dengannya (ajaran ini).” (Al-Barradi, 2014: 183)

Difahami daripada pengakuan ini bahawa istilah Khawarij merujuk kepada Muslimin yang memberontak ke atas Saidina Utsman, memerangnya dan membunuhnya yang menurut mereka telah zalim dan tidak melaksanakan hukum Allah. Golongan yang berideologi sama jugalah memberontak ke atas Saidina Ali seraya Tahkim—yang menurut mereka membelakangkan hukum Allah. Mereka akhirnya mengasingkan diri ke Harura’ (Al-Qalhati, 1980: 2/421), satu kawasan yang berhampiran Kufah, pusat pemerintahan Saidina Ali ketika itu. Mereka yang berkumpul di Harura’ ini melantik Abdullah bin Wahb Al-Rasibi (wafat 38H) sebagai pemimpin rasmi bagi mereka sendiri, dengan cara Syura (Al-Barradi, 2014: 146). Dengan demikian, terbentuklah secara rasmi organisasi Khawarij.

Ia berbeza dengan Khawarij pada zaman Saidina Utsman, yang tidak teratur dan lebih bersifat spontan. Riwayat kisah pembunuhan Saidina Utsman di dalam buku Khawarij sendiri tidak seragam (Al-Qalhati, 1980: 2/217-220. Al-Barradi, 2014: 98), dan yang lebih menarik perhatian bagaimana sejarawan Khawarij-Ibadhi, Al-Syammakhi (1987: 1/39) menukilkan riwayat pembunuhan Saidina Utsman ini daripada Al-Mas’udi seorang sejarawan Syiah, dan menyatakan bagaimana Saidina Talhah dan Zubair mengupah Malik bin Asytar untuk mengepung rumah Saidina Utsman. Dengan makna ini, menurut mereka, Saidina Talhah dan Zubair adalah Khawarij yang asli. Akan tetapi dinyahkhawarijkan pula selepas itu oleh Khawarij yang lain. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan nombor dua Abdullah bin Ibadh yang pengkaji nukilkan sebelum ini: mereka adalah pengikut Saidina Zubair & Talhah, hinggalah kedua-dua tokoh ini mengingkari sumpah ketaatan mereka kepada Saidina Ali.

Selepas kewafatan Saidina Ali, mereka kekal dalam penentangan mereka melawan Saidina Muawiyah bin Abi Sufyan, pemimpin pertama Dinasti Umawi. Penentangan mereka itu atas alasan kepimpinan tersebut tidak syar’ie, yakni tidak mengikuti syura, bahkan diperolehi Saidina Muawiyah dengan merampasnya daripada Saidina Al-Hasan bin ‘Ali (Al-Syammakhi, 1987: 1/54-56). Tindakan Saidina Muawiyah ini seterusnya diakhiri dengan kepatuhan Saidina Al-Hasan kepada Saidina Muawiyah. Mereka berdua bersama-sama membunuh saki-baki Khawarij yang berada di Al-Nakhilah (Al-Barradi, 2014: 164-165. Al-Qalhati, 1980: 2/255-256.) Dengan keputusan Saidina Hasan untuk bersama Muawiyah, menurut Khawarij, Islam menjadi tersembunyi, dan kezaliman berleluasa di zaman Muawiyah dan keturunannya. Khawarij yang masih ada ketika itu menyebarkan dakwah mereka secara tersembunyi dan bersepadu. Mereka berhimpun di bawah satu organisasi, hinggalah Nafi’ bin Al-Azraq’ (wafat 65H) memisahkan dirinya daripada majoriti Khawarij, mewajibkan hijrah bersamanya meninggalkan jajahan Umawiyah, mewajibkan berpindah ke Ahwaz dan membina pusat kerajaan di situ, serta mengkafirkan *Al-Qa’adah* (Khawarij yang enggan berjihad) yang enggan hijrah bersamanya. Kelompok Nafi’ ini digelar Khawarij-Azariqah (Al-Qalhati, 1980: 2/423).

Sesudah itu, muncul kumpulan Khawarij yang tidak bersetuju dengan Nafi’, lalu berpindah ke Yamamah, yang kini terletak di kawasan antara Arab Saudi dan Bahrain. Mereka melantik seorang pemimpin daripada kalangan mereka, yang bernama Najdah bin ‘Amir (wafat 66H). Kumpulan ini digelar Khawarij-Najdat. (Al-Qalhati, 1980: 428-430).

Lalu muncul pula kumpulan Khawarij yang melihat Najdat ini sebagai kumpulan yang sesat daripada Islam, dipimpin Ziyad bin Al-Asfar, memerangi saki-baki Najdat. Kumpulan ini pula digelar Khawarij-Sufriyah (Al-Qalhati, 1980: 433). Terdapat pelbagai kumpulan kecil lagi yang muncul sebagai rantingan bagi setiap daripada Azariqah, Najdat dan Sufriyah ini. Ketiga-tiga kelompok ini sudah tidak wujud pada zaman kini, dan sejarah mereka cuma diketahui melalui buku-buku ulama yang bukan Azariqah, Najdat mahupun Sufriyah ini.

Sementara golongan Khawarij yang tidak terlibat dengan konflik dalaman ini, daripada golongan *Al-Qa'adah* mahupun selain mereka, membentuk sebuah aliran yang digelar sebagai *Ahl Al-Istiqamah*, di bawah pimpinan Abdullah bin Ibadh (Al-Qalhati, 1980: 2/423). Beliau merupakan pewaris perjuangan Abu Bilal Mirdas dan Urwah – dua beradik tokoh Khawarij terawal yang bangkit menentang Tahkim Saidina Ali (Al-Barradi, 2014: 174). Beliau dilantik atas syor daripada Jabir bin Zaid (wafat 93H), tabi'ie masyhur dan sahabat kepada Abu Bilal (Al-Syammakhi, 1987: 1/72-73. Ibn Sallam, 1986: 108-109). Abdullah bin Ibadh merupakan tokoh yang diiktiraf kawan mahupun lawan, sepertimana dibuktikan dalam surat Khalifah yang ditujukan khas kepadanya. Di dalam surat tersebut, ketegasannya terpamer di dalam urusan agamanya membantah hujahan Abd Al-Malik bin Marwan yang telah menuduh kumpulan mereka sebagai kumpulan sesat, lalu membuktikan pula kebenaran kumpulannya di dalam jawapan surat yang panjang (Al-Barradi, 2014: 175-186). Aliran Khawarij ini dinisbahkan kepada pemimpinnya, seperti aliran Khawarij yang lain, dan terkenal dengan gelaran Khawarij-Ibadhiyah.

Jabir bin Zaid Al-Azdi merupakan sosok ulama ulung dalam aliran Ibadhiyah ini, bahkan Al-Syammakhi secara pasti menyatakan bahawa beliau adalah pengasas aliran ini (Al-Syammakhi, 1987: 1/67). Fakta ini memberikan bayangan kepada pengkaji bahawa wujudnya dikotomi ulama-politikus dalam aliran Ibadhiyah ini, dengan Jabir sebagai ulama dan Abdullah bin Ibadh sebagai politikusnya. Menurut intuisi awal pengkaji, dikotomi ini juga berlaku antara Abu Bilal sebagai politikus Ibadhiyah dan Jabir sebagai ulama Ibadhiyah. Jabir berperanan melatih kesarjanaan Abu Ubaidah Muslim bin Abi Karimah, ulama dan *muhaddits* (perawi hadis) Ibadhiyah (Al-Syammakhi, 1987: 1/78-80. Ibn Sallam, 1986: 110).

Abu Ubaidah ini menjadi guru kepada Rabi' Al-Farahidi, pengarang Musnad Rabi', ensiklopedia hadis terawal Ibadhiyah (Al-Syammakhi, 1987: 1/95-97. Ibn Sallam, 1986: 110). Abu Ubaidah juga merupakan guru kepada Abu Al-Khattab Al-Mu'afiri, penggerak Ibadhiyah yang pertama di Al-Maghrib yang mencakupi Tarablus dan Kairouan. Beliau juga menjadi guru kepada Abd Al-Rahman bin Rustum, pengasas Dinasti Rustumiyah yang berpusat di Tiaret, Algeria (Al-Darjini, 1974: 19-36. Al-Barradi, 2014: 193-194).

Dalam masa yang sama, terdapat juga pimpinan Ibadhiyah lain yang muncul di Khurasan. Ini dibuktikan dengan kewujudan surat Abu Isa Al-Khurasani, yang ditujukan kepada saudara seilirannya di Al-Maghrib (Ibn Sallam, 1986: 135-141). Selain itu, Oman dan Hadhramaut, yang kini merangkumi Dhofar, Oman dan Hadhramaut, memiliki pimpinan Ibadhiyah mereka tersendiri. Menurut pengamatan pengkaji, pimpinan tersebut wujud kerana mereka memiliki perkaitan kerabat dengan Jabir bin Zaid daripada kabilah Al-Azd. Demikianlah Ibadhiyah kekal diwarisi hinggalah terbentuknya kerajaan Oman pada hari ini yang bermazhab rasmi Ibadhiyah.

Demografik Khawarij-Ibadhiyah dinihari terbahagi kepada beberapa tempat; kesultanan Oman (majoriti), pergunungan Al-Nafusah di Libya, Pulau Djerba di Tunisia, Wadi Mzab di Algeria, Zanzibar dan Somalia.

PUSAT PEMIKIRAN KHAWARIJ

Konsep *Al-Wala' wa Al-Bara'* Kesetiaan dan Berlepas diri menjadi pusat pemikiran Khawarij. Kesetiaan mereka ialah kepada kelompok yang berhukum dengan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Mereka berlepas diri daripada sesiapa saja yang tidak berhukum dengan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah, lalu zalim pula— seperti mana yang dibahaskan Abdullah ibn Ibadh di dalam suratnya.

Kesetiaan mereka kepada kelompok itu, ditegaskan dengan penamaan kelompok tersebut sebagai 'Mukmin' (Ibn Sallam, 1986: 92), yang selanjutnya memberi kesan kepada hukum-hakam Fiqh yang berkenaan seperti boleh dinikahi, sembelihannya halal, dan lain-lain lagi. Berlepas diri daripada kelompok yang zalim, ditegaskan dengan penamaan kelompok ini sebagai 'Kafir'. Begitulah pula isunya berkenaan Al-Imamah, mereka melantik sesiapa yang mukmin dengan syura, dan berpendapat wajibnya menegah kemungkaran dengan memberontak atas pemimpin yang zalim nan kafir.

Hanyasanya gradasi pengkafiran itu, berbeza antara kelompok Khawarij ini. Misalnya Azariqah, mengkafirkan muslimin yang tidak bersama dengan mereka, dan menamakan mereka sebagai musyrik yang wajib diperangi (Al-Qalhati, 1980: 2/423) Pengkafiran sedemikian memberi kesan kepada hukum-hakam Fiqh menurut Azariqah ini. di mana mereka wajib memerangi musyrik, harta dan isteri musyrik boleh dirampas, dan lain-lain lagi. Sementara Ibadhiyah berpendapat bahawa muslimin yang tidak berpegang dengan mazhab Ibadhiyah, yang tidak mengkafirkan Ibadhiyah, hanyalah kafir kerana menjadi munafik (*Nifaq Tahlil wa Tahrir*), dan dalam istilah lain 'Kufur Nikmat' (Abu Hafs, 2016: 129-130. Al-Barradi, 2014: 108).

Khawarij-Ibadhiyah juga secara amnya mengkafirkan pelaku dosa besar kerana telah menjadi munafik (*Nifaq Al-Khiyanah*), yang mengkhianati dirinya dengan meninggalkan kewajiban atau melakukan dosa besar kerana mematuhi hawanafsu (Abu Hafs, 2016: 129-130). Pengkaji bukan-Ibadhi seperti Al-Asy'ari (2009: 59) menyatakan secara pasti bahawa semua aliran Khawarij mengkafirkan pelaku dosa besar. Hanyasanya Ibadhiyah, meskipun mengkafirkan mereka yang tidak sehalannya dengan *Nifaq Al-Khiyanah* dan *Nifaq Tahlil wa Tahrir*, mereka tetap menjaga hak-hak kemanusiaan yang lain, seperti agihan zakat, membela keadilan buat mereka yang tidak sehalan ini, dan menerima kesaksian mereka secara bersyarat (Al-Jitali, 2015: 1/157-159). Perihal menerima kesaksian orang yang bukan bermazhab Ibadhiyah ini amat penting dalam menjelaskan bagaimana literatur Fiqh Khawarij-Ibadhiyah turut merujuk karya-karya hadis ulama Sunni dan berhujah dengan hadis-hadis tersebut.

Literatur akidah Ibadhiyah sarat dengan perbahasan *Al-Wala' wa Al-Bara'* ini. Mereka secara eksplisit membahaskan jenis-jenis agama, dan cara berinteraksi dengan agama-agama tersebut secara akidah dan fiqh, di bawah satu tema: *Al-Milal Al-Sittah* (Agama yang enam) yang merujuk kepada Islam, Yahudi, Kristian, Sobi'in, Majusi, dan Musyrik (Al-Jitali, 2015: 1/153-167. Abu Hafs, 2016: 107-115). Perbahasan mengenai *Al-Milal Al-Sittah* ini diambil langsung daripada Al-Quran pula, dan tafsirannya diambil secara literal.

Metodologi pentafsiran sebegini amat jelas pada Khawarij, di mana mereka bebas memahami Al-Quran dengan literal.

Sekiranya dinilai lebih lanjut, metod literalisme Khawarij ini secara tidak langsung mengabsahkan tafsiran-tafsiran yang tidak ada di dalam Al-Quran. Al-Baghdadi (1993: 110-111) mengisahkan berkenaan Khawarij-Syabibiyah, aliran pertama dalam sejarah Islam yang melantik seorang wanita, Ghazalah, sebagai pemimpin mereka selepas kewafatan Syabib. Ghazalah ini turut dilantik menjadi imam solat dan khatib di Masjid Kufah. Tindakan tersebut dapat difahami dan diteka, menurut cara berfikir Khawarij ini, bahawa perlantikan wanita sebagai Imam ini sah kerana tiada kontradiksi dengan teks Al-Quran. Pelbagai lagi variasi literalisme yang wajar dikaji secara mendalam dalam pemikiran Khawarij ini, yang justeru akan menjelaskan lagi bagaimana *Al-Wala' wa Al-Bara'* menurut Khawarij berinteraksi dengan teks wahyu.

KEKELIRUAN PENJENAMAAN KHAWARIJISME

Khawarijisme merupakan istilah baharu merujuk kepada ideologi takfir dan keganasan yang dilakukan segelintir umat Islam dinihari. Ia dikaitkan dengan gerakan Islam Politik yang ingin menegakkan sebuah negara Islam. Purnama (2016) menggunakan istilah 'Neo-Khawarijisme' yang menggambarkan kepada pembaca bahawa khawarijisme ini sudah wujud sekian lama dalam umat Islam akan tetapi muncul dinihari dalam bentuk yang 'neo-' dan membaharu (Lihat juga: Ali, 2018. Al-Yaqoubi, 2015. Abd Rahim *et.al*, 2018). Tetapi, kajian Mohd Afandi Salleh *et.al* (2020) mendapati bahawa kumpulan radikal yang dimaksudkan seperti Boko Haram tidak mengiktiraf identiti mereka sebagai Khawarij. Bahkan mereka mengaku bahawa mereka pengamal aliran Ahli Sunnah wal Jamaah.

Pengkaji menyimpulkan bahawa penjenamaan Khawarijisme ini merupakan satu tindakan yang keliru. Hal ini didalangi beberapa punca:

1. Tidak memahami hakikat sebenar pusat pemikiran Khawarij yakni *Al-Wala' wa Al-Bara'*. Mereka menganggap bahawa pusat pemikiran Khawarij ialah Takfir.
2. Tidak memahami evolusi pemikiran Khawarij dan gradasi Takfir menurut Khawarij.
3. Tidak memahami konsep *Al-Wala' wa Al-Bara'* menurut Khawarij, khususnya aliran Khawarij-Ibadhiyah yang mewakili kewujudan Khawarij pada zaman ini. Sepertimana yang telah dibahaskan, takfir pada Khawarij-Ibadhiyah khususnya yang melibatkan *Takfir Nifaq*, tidak sama seperti takfir yang difahami menurut Ahli Sunnah wal Jamaah yang bererti mengeluarkan seseorang itu daripada lingkungan Islam.
4. Menggunakan nama 'Khawarij' dan 'Khawarijisme' sebagai taktik untuk mengelak daripada mengkritik kecenderungan takfir yang dipamerkan oleh aliran tertentu. Sebagai contoh, Ahbash sebagai sebuah aliran Sunni-Tradisionalis sukar diidentifikasikan sebagai neo-khawarij ini, meskipun mereka banyak mentakfirkan golongan yang tidak sehaluan dengan mereka (Pierret, 2010). Di sisi lain, ulama Salafi menamakan ISIS sebagai 'Khawarij-kontemporer' (Putra, 2014), sedangkan ISIS (Al-Binali, tt) merujuk *Nawaqidh Al-Islam* karya Syekh Muhammad bin Abd Al-Wahhab sebagai rujukan akidah mereka.

Yang sewajarnya dilakukan ialah menggunakan gelaran Takfiri merujuk kepada golongan radikal ini. Gelaran Takfiri boleh diaplikasikan kepada sesiapa sahaja yang

memiliki kecenderungan takfir, tanpa perlu ditanggung dengan beban sejarah. Berbeza dengan jenama 'Khawarijisme', 'Neo-Khawarijisme', 'Khawarijisme-Kontemporer', dan selainnya yang berkait dengan Khawarij, ia memiliki beban sejarah aliran yang tersebut. Sedangkan, pengamal aliran tersebut seperti Khawarij-Ibadhiyah tidak terlibat langsung dengan gerakan takfir yang radikal ini. Seperti yang telah dinukilkan, kumpulan Sunni Radikal seperti Boko Haram terperangkap dengan jenama 'Khawarij' dan beban sejarahnya gara-gara penjenamaan yang salah dan keliru itu.

KESIMPULAN

Kajian ini telah berusaha untuk mengetengahkan pensejarahan aliran Khawarij menurut sumber asalnya. Yang dimaksudkan dengan sumber asalnya ialah karya ilmuan Khawarij berkenaan sejarah dan perkembangan aliran mereka. Kajian ini mendapati bahawa aliran Khawarij telah mengalami proses perubahan dan penyesuaian, samada daripada aspek politik mahupun akidahnya. Perubahan inilah yang membolehkannya wujud sebagai sebuah negara dan masyarakat yang tersendiri dan berdaya saing ke hari ini. Kajian ini juga cuba untuk menampung kelompangan yang ada kerana kekurangan literatur dalam bahasa melayu berkenaan Khawarij ini.

Kajian ini juga telah mengenalpasti bahawa pusat pemikiran Khawarij, dan termasuklah Ibadhiyah, ialah konsep *Al-Wala' wa Al-Bara'* yang istimewa buat Khawarij ini. Konsep yang sama juga sebenarnya dibahaskan dalam aliran-aliran lain seperti Ahli Hadis dan Asyairah. Tetapi ia bukanlah menjadi pusat pemikiran Ahli Hadis dan Asyairah itu. Pengenalpastian beberapa unsur yang membentuk *Al-Wala' wa Al-Bara'* dalam pemikiran Khawarij ini, seperti literalisme, juga telah dilakukan.

Khawarijisme merupakan penjenamaan yang keliru. Justeru, pengkaji menyarankan agar golongan radikal dan memiliki kecenderungan takfir ini untuk digelar sebagai Takfiri sahaja, tanpa perlu mencipta gelaran baharu yang mengelirukan dan menampilkan imej yang salah berkenaan Khawarij.

Kajian ini dilaksanakan dengan harapan ia akan mencetuskan lagi penerokaan yang lebih serius dan mendalam berkenaan Khawarij, dan tradisi mereka yang masih diamalkan ke hari ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

Abd Rahim, Rahimin & Ramli, Mohd Anuar & Syahmi, Muhammad. 2018. Gejala Takfirisme dalam Gerakan Ekstremisme Agama Semasa. *Jurnal Peradaban*. 11. 43-61.

- Abd Rahman, S. B. 2014. The Theological Discussion of the Kharijites (Khawarij) on the Issues of Takfir (Accusing of Unbelief), and The Status of Muslims and Polytheists. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 16(1).
- Abu Hafs, 'Amru bin Jami'. 2016. *Muqaddimah Al-Tauhid wa Syuruhu*. London: Dar Al-Hikma.
- Abu Khazr, Yaghla bin Ziltaf. 2008. *Al-Radd 'ala Jami' Al-Mukhalifin*. Muscat: Maktabah Al-Dhamiri.
- Al-Asy'ari, Abu Al-Hasan. 2009. *Maqalat Al-Islamiyin wa Ikhtilaf Al-Musollin*. Mesir: Dar Al-Hadits.
- Al-Baghdadi, Abd Al-Qahir. 1993. *Al-Farq baina Al-Firq*. Beirut: Al-Maktabah Al-'Asriyah.
- Al-Barradi, Abu Al-Qasim bin Ibrahim. 2014. *Al-Jawahir Al-Muntaqah*. London: Dar Al-Hikma.
- Al-Binali, T. Tanpa tarikh. *Explanation of the nullifiers of Islam* (A. Al-Muhajir, penterjemah). Dipetik daripada <https://ahmadjaaved.files.wordpress.com/2017/03/shyakhturkial-binalienglishtranslationnullifiers.pdf> pada 15.2.2021
- Al-Darjini, Ahmad bin Said. 1974. *Tabaqat Al-Masyaikh bi Al-Maghrib*. Constantine: Matba'ah Al-Ba'ts.
- Ali, M. 2018. *Labelling IS Fighters: Khawarij, Not Jihadi-Salafis*. Dipetik daripada: <https://www.rsis.edu.sg/rsis-publication/rsis/co18063-labelling-is-fighters-khawarij-not-jihadi-salafis/> pada 15.2.2021
- Al-Jitali, Ismail. 2015. *Qawa'id Al-Islam*. Muscat: Maktabah Al-Dhamiri.
- Al-Qalhati, Muhammad bin Said. 1980. *Al-Kasyf wa Al-Bayan*. Oman: Wizarah Al-Turats Al-Qaumi wa Al-Tsaqafah.
- Al-Syammakhi, Ahmad bin Said. 1987. *Kitab Al-Siyar*. Oman: Wizarah Al-Turats Al-Qaumi wa Al-Tsaqafah.
- Al-Syihristani, Muhammad. 2010. *Al-Milal wa Al-Nihal*. Beirut: Al-Maktabah Al-'Asriyah.
- Al-Yaqoubi, Shaykh Muhammed. 2015. *Refuting ISIS: A Rebuttal Of Its Religious And Ideological Foundations*. United Kingdom: Sacred Knowledge.
- Bengtsson, Mariette. 2016. How to plan and perform a qualitative study using content analysis. Dalam *NursingPlus Open* vol. 2 ms8-14. Elsevier BV.
- Farahwahida, M. Y. 2007. *Aliran kepercayaan: Sejarah dan perkembangannya di Malaysia*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibn Sallam, Lawwab. 1986. *Bad' Al-Islam wa Syarai' Al-Din*. Beirut: Dar Sadir.
- Mesej Amman. 2004. *The Three Points of The Amman Message V.1*. Dipetik daripada: <https://ammanmessage.com/the-three-points-of-the-amman-message-v-1> pada 19 Mei 2020.
- Mohd Afandi Salleh, Nasa'i Muhammad Gwadabe, Fadzli Adam, Miftachul Huda, Mohd Fauzi Abu Hussin. 2020. The Use of Religion as Tool for Ideological Indoctrination by Boko Haram: A Critical Discourse. *Journal of Critical Reviews*, 7 (2), 806-810.
- Pierret, Thomas. 2010. "al-Aḥbāsh", dalam *Encyclopaedia of Islam*, THREE. Kate Fleet, Gudrun Krämer, Denis Matringe, John Nawas, Everett Rowson (eds). Leiden: Brill.

- Purnama, Fahmy. 2016. Khawarijisme: Pergulatan Politik Sektarian dalam Bingkai Wacana Agama. *Al-A'raf: Jurnal Pemikiran Islam dan Filsafat*. 13.
- Putra, AMS. 2014. Kesesatan Ideologi ISIS (Islamic State Of Iraq & Sham). Dalam *Majalah As-Sunnah* Edisi 06/Tahun XVIII/1435/2014M. Surakarta: Penerbit Yayasan Lajnah Istiqomah.